

REMAJA HARI INI BOROS?

oleh
ZAITON ABU
SAMAH

Anda boros? Jika anda gemar menukar jenama jam setiap bulan, atau anda rambang mata ketika membeli aksesori atau kasut, malah gemar memborong fesyen baju yang sama tetapi dalam pelbagai warna semata-mata untuk mengikut trend atau fesyen semasa, maka anda termasuk dalam golongan ini. Anda juga gemar mengumpul pelbagai jenis telefon bimbit kerana anda jemu dengan jenama yang sama. Ketika makan, anda memesan pelbagai jenis makanan mengikut selera, tetapi menjamah sedikit sahaja makanan tersebut, manakala selebihnya dibuang begitu sahaja. Tahukah anda yang anda telah tergolong dalam kategori pemboros yang gemar membazirkan wang dan berbelanja melebihi kemampuan?

Bagaimana pula dengan golongan remaja yang boros, tidak mempunyai kuasa membeli? Remaja ini gemar memasang radio atau mp3, tetapi dalam masa yang sama, menonton televisyen. Kebiasaannya remaja ini juga gemar membiarkan komputer terbuka tanpa menggunakannya, memasang lampu dan kipas sepanjang hari walaupun tidak memerlukannya. Ketika mandi remaja mengambil masa yang lama dan menggunakan air yang banyak. Perbuatan atau amalan ini menyebabkan ibu bapa pula yang terpaksa membayar bil yang tinggi pada setiap bulan.

Akibat tidak dapat membatasi nafsu dan mendisiplinkan diri, sifat boros boleh merjet diri sendiri. Anda mula berhutang dengan kawan untuk memenuhi kemahuan anda. Anda sudah mula merengek-rengok untuk mendapatkan kad kredit daripada ibu bapa bagi memenuhi tabiat anda yang suka berbelanja. Anda termasuk dalam kategori pemboros yang seterusnya. Kepada golongan ini, selamat datang ke dunia hutang!

Sebenarnya, meminjam wang atau menggunakan kad kredit boleh menjerumuskan diri anda lebih jauh lagi ke dalam dunia berhutang. Menurut Kementerian Kewangan Malaysia, semakin ramai orang menggunakan kad kredit untuk membeli barang di luar kemampuan mereka. Lebih 40 peratus daripada 8.8 juta pemegang kad kredit hanya mampu membayar 18 peratus daripada jumlah hutang mereka. Hal ini bermakna mereka membayar 18 peratus faedah kepada bank setiap tahun berdasarkan jumlah hutang mereka! Hasilnya juga, hutang kad kredit tidak berkurangan, tetapi bertambah dan menyebabkan penghutang dikelilingi hutang sepanjang hidup.

Kamus Dewan edisi ketiga menjelaskan sifat boros sebagai "tidak hemat, suka mengeluarkan wang berlebih-lebih, suka memakai barang-barang berlebih-lebih: ia hidup terlalu joli dan boros; kalau boros lekas kerugian umpamanya orang yang boros itu akhirnya beroleh kesesahan; berboros berlaku boros: mereka menjaga diri daripada boros atau berhutang; memboroskan mengeluarkan (membelahhakan) wang berlebih-lebihan (membuang-buang wang), menggunakan barang-barang dan lain-lain berlebih-lebihan (dengan cara yang membazir).

Berdasarkan definisi kamus Wikipedia pula, sifat boros ialah membelanjakan wang dengan keterlaluan, berlagak mewah dan gemar membazir. Kadang-kadang wang yang digunakan untuk dibelanjakan adalah daripada harta yang diwarisi kerana wang ini diperolehi dengan mudah.

Sekitar kurun ke-19, satu undang-undang khas diwujudkan di Amerika Syarikat. Misalnya, undang-undang ini diwujudkan di bawah bidang kuasa negeri Oregon di Amerika Syarikat untuk mengisytiharkan seseorang pesalah sebagai pemboros oleh mahkamah. Pemboros ini tidak cukup beribawa untuk membuat sebarang perundingan jual beli atau mengadakan kontrak. Perkara ini dianggap munasabah oleh polisi, demi menjaga keluarga pemboros ini menjadi miskin dan termasuk dalam golongan yang memerlukan bantuan kebajikan masyarakat. Walau bagaimanapun undang-undang ini telah diluluskan dan digantikan dengan undang-undang kebankrapan.

Sejarah telah banyak menunjukkan beberapa orang ternama yang bersikap boros dan dianggap berpenyakit oleh masyarakat. Antaranya ialah Raja Great Britain, George IV, Ludwig II dan Permaisuri Perancis Marie Antoinette. Mereka dikatakan gemar hidup



YOU 2008/AN
000265921

oleh IMUDA

bermewah-mewah dan suka berbelanja besar sehingga dibenci oleh rakyat. Marie Antoinette gemar akan hidup yang mewah, berbelanja besar dan suka membazir sedangkan rakyatnya sedang dalam kebuluran dan hidup dalam keadaan yang merempat dan miskin. Tabiat inilah antara sebab berlakunya revolusi Perancis dan mengakibatkan pemisuri Perancis ini dihukum pancung.

Lawan sifat boros ialah berhemat atau berjimat cermat. Berhemat

atau berjimat cermat perlu dilakukan secara sederhana dan tidak keterlaluan. Anda pasti tidak gemar digelar sebagai tangkai jering atau orang yang kedekut.

Presiden Amerika Syarikat yang ketiga (1801-1809), Thomas Jefferson, mengingatkan rakyatnya agar berhemat dalam perbelanjaan dengan berkata, "Jangan sekali-kali kamu berbelanja dengan wang yang kamu belum peroleh." Secara ringkas, beliau mengingatkan rakyatnya supaya tidak membelanjakan wang yang belum ada atau jangan berhutang.

Banyak cara yang boleh anda lakukan untuk berjimat cermat. Pertama adalah dengan menabung lebihan wang setiap hari. Pakar ekonomi menyarankan jumlah tabungan setiap bulan mestilah 30 peratus daripada hasil pendapatan seseorang bagi yang telah bekerja. Menabung ialah persiapan untuk masa depan, misalnya sekiranya berlaku kecemasan seperti kemalangan atau anda memerlukan wang untuk melanjutkan pelajaran. Buatlah anggaran perbelanjaan setiap bulan untuk memudahkan anda menabung. Bagi remaja seperti anda, menabung banyak membantu sekiranya keluarga anda hilang punca pendapatan secara tiba-tiba. Hasil tabungan boleh digunakan untuk keperluan anda tanpa menyusahkan orang lain atau sementara anda mendapat cara lain untuk mencari wang.

Kuasailah diri daripada nafsu dengan disiplin, terutamanya ketika membeli belah. Memang benar, rakan anda mempunyai telefon bimbit yang terkini atau pakaian fesyen yang terbaharu. Tanya diri anda sebelum membeli, adakah anda benar-benar memerlukannya? Pembeli yang berhemat bijak merancang sebelum membeli. Buat batasan terhadap diri sendiri ketika berbelanja dan membeli hanya untuk keperluan sahaja.



Bayangkan terdapat manusia yang kebuluran di luar sana. Setiap hari lebih 800 juta manusia kelaparan, bermakna satu daripada lima orang manusia yang ada di dunia ini tidak ada makanan untuk dimakan. Lebih 75 peratus rakyat Afrika hidup dengan pendapatan RM3.50 sen sehari untuk menampung hidup mereka. Nilai itu hanya cukup untuk membeli makan pagi dan tengah hari untuk diri anda seorang di Kuala Lumpur! Pernahkah anda melihat bagaimanaakah mangsa pelarian di Afghanistan, Iraq atau Sudan bertahan dalam musim salji yang dingin dan hidup hanya dengan bergantung kepada bantuan daripada orang seperti anda?

Jangan mudah tertarik dengan barangan yang dijual dengan harga murah kerana kemungkinannya barangan itu tidak anda perlukan ataupun barangannya bermutu rendah. Anda yang membuat pilihan kerana wang itu adalah wang anda.

Bak kata pepatah, gunung jika dicangkul setiap hari akan runtuh juga. Bukit yang ditarah akan jadi rata akhirnya. Begitulah dengan harta atau wang sendiri. Jika anda telah merancang perbelanjaan dengan membuat perkiraan yang betul, pasti anda akan mempunyai harta atau wang untuk kelangsungan hidup. Sediakan payung sebelum hujan, beringat-ingat sebelum terkena.

Setelah membaca artikel ini, adakah anda fikir anda masih berada di dalam golongan orang yang boros? Atau anda sedang mencari langkah untuk keluar daripadanya? **es**



Remaja perlu melatih diri dengan amalan menyimpan wang.

